

## PERPUSTAKAAN: STRATEGI MERUNGKAI BELENGGU MINDA

**Nuraini Yusoff**  
**Bidang Kemanusiaan**  
**College of Arts & Sciences**  
**Universiti Utara Malaysia**

**Sahid Teguh Widodo**  
**Fakultas Seni Rupa dan Sastera**  
**Universitas Sebelas Maret**

### **Pengenalan**

Peri pentingnya modal insan dalam menentukan kemakmuran sesebuah negara terserlah dalam peribahasa Cina yang menyatakan bahawa *"If you want one year of prosperity, grow grain. If you want ten years of prosperity, grow trees. If you want one hundred years of prosperity, grow people"*. Dalam usaha untuk membina insan ini, kita memerlukan pelbagai ramuan ilmu pengetahuan agar insan yang dihasilkan memenuhi aspirasi pendidikan negara seperti yang terserlah dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (t. t.):

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkecakapan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Begitu juga dalam Falsafah Pendidikan Inonesia:

.....

Usaha untuk melahirkan 'insan yang seimbang' dan 'berilmu pengetahuan' ini mempunyai kaitan yang rapat dengan budaya membaca dan pemanfaatan perpustakaan. Justeru, dengan niat untuk menggalakkan rakyat Malaysia malah rakyat di seluruh Nusantara untuk menjadikan membaca sebagai budaya hidup dan perpustakaan menjadi aset penting yang menyangga pembangunan insan, makalah ini akan sekilas meninjau minda yang terbelunggu, menyerlahkan manfaat membaca dan kepentingan perpustakaan dalam konteks merungkai belunggu minda yang akan mencatitkan imej kita. Seterusnya dikemukakan beberapa strategi untuk difikirkan dan diusahakan bersama demi kelangsungan generasi waja yang akan menjadi pewaris.

Dalam makalah ini kata 'membaca' merangkumi pelbagai bahan bercetak dan elektronik. Perpustakaan pula merangkumi pusat sumber, perpustakaan akademik, perpustakaan awam (statik dan bergerak), dan perpustakaan di sekolah. Sudut bacaan di dalam kelas, rumah, pejabat dan di tempat awam juga turut memberi sumbangan dalam mewujudkan budaya membaca dan mencari ilmu pengetahuan.

## **BELENGGU MINDA**

Berbicara tentang belunggu minda bukanlah merupakan satu perkara yang mudah untuk kita terima hakikatnya. Dalam zaman yang serba canggih ini sewaktu kita disirami cahaya kemajuan dari jalan raya hingga ke dalam rumah, dari dalam kereta hingga ke menara pejabat, pastinya kita sudah menjadi manusia moden yang serba bijak. Kita mungkin tersentak dengan kata-kata Senu Abdul Rahman (2002:290) yang mengingatkan kita bahawa:

Pada zaman kegemilangan Islam empat ratus tahun dahulu, tradisi membaca ini sangat meluas di kalangan orang Islam dan perpustakaan-perpustakaan umum banyak didapati. Misalannya, di Sepanyol saja yang masa itu diperintah oleh orang Islam, ada 70 buah Perpustakaan umum. Menjadi kemegahan kepada raja-raja Islam kalau mereka dapat mendirikan perpustakaan-perpustakaan dalam negeri mereka. Tetapi orang Islam sekarang mundur apabila mereka meninggalkan tabiat ingin membaca pada hal sejak mula-mula lagi ayat al-Quran turun telah menyuruh membaca.

Kita tidak menafikan bahawa Ilmu pengetahuan boleh diperolehi melalui pengalaman tetapi dari segi kuantiti dan kualiti pengalaman ini tidak dapat dipertingkatkan sekiranya kita tidak menjenguk dan membandingkan dengan pengalaman orang lain dalam penulisan mereka. Sebagai contoh dalam bidang perniagaan sama ada seseorang itu sebagai peniaga atau sebagai tenaga akademik, diakui bahawa pengalamannya pasti mempunyai impak terhadap kerjaya dan *stakeholders*. Bayangkan betapa besar Impaknya jika seseorang itu menceduk pengalaman yang dipaparkan oleh Kim dan Mauborge (2005) dalam buku *Blue Ocean Strategy*. Menurut Kim dan Mauborge "the contents of this book are based on more than fifteen years of research, data stretching back more than a hundred years ...". Dengan mengkaji tiga puluh industri, penyelidikan yang dijalankan dapat mengenal pasti 150 strategi yang boleh dimanfaatkan oleh pembaca yang berkecimpung dalam bidang perniagaan.

Begitu juga halnya jika kita ingin berbicara tentang pemimpin tanah air. Memang tidak dinafikan juga bahawa seseorang itu boleh mendapat input dengan menonton televisyen atau berbincang dengan rakan-rakan tetapi dengan membaca akhbar, majalah dan bahan-bahan di internet pastinya akan membuka fikiran kita. Namun demikian bacaan ringan ini perlu disokong dengan bacaan yang lebih komprehensif agar mendapat sudut pandangan yang seimbang. Sebagai contoh sekiranya ingin mendalami pemikiran pembangunan 'Bapa Kemerdekaan – Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj', 'Bapa Pembangunan – Tun Abdul Razak Hussein', 'Bapa Perpaduan – Tun Hissein Onn' dan 'Bapa Pemodenan – Tun Dr Mahathir Mohamad' perlu dibaca hasil nukilan Abdul Rahman Aziz (2004) yang berjudul *Falsafah Pembangunan*. Ingin pula

mendalami lagi hal-ehwal politik Tunku Abdul Rahman, karya Ramlah Adam (2004) boleh mencuit minda pembaca. Senarai ini boleh diteruskan tanpa henti.

Pada masa ini kita juga dimaklumkan tentang masalah 'belenggu minda' dalam kalangan lepasan sekolah dan juga para graduan. Pihak majikan menyuarakan rasa tidak puas hati kerana ramai yang hadir temu duga tidak mempamerkan yang mereka mempunyai ilmu pengetahuan yang memadai. "Antara kelemahan graduan yang diperkatakan termasuklah tidak berketerampilan dan tidak memiliki kemahiran, khususnya kemahiran insaniah sepertimana yang dituntut oleh majikan di samping pasaran kerja yang kompetitif" (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2006:1). Sekiranya minda graduan tidak terbelenggu, pastinya mereka akan bersiap sedia untuk menghadiri temu duga. Bacaan selama ini akan mengasah pemikiran mereka, malah bahan-bahan berkaitan dengan temu duga juga akan membantu mereka melepasi ujian ini. Di perpustakaan dan pusat sumber pelbagai bahan media juga disediakan untuk ditonton dan didengar. Dengan ilmu pengetahuan ini mereka akan lebih sensitif dan sedar tentang apa yang mesti mereka lakukan atau apa yang mereka tidak patut lakukan.

Ringkasnya belenggu minda ini harus dirongkai dengan membaca bahan-bahan yang seimbang dan memberi manfaat kepada diri, masyarakat, bangsa, negara dan agama. Memandangkan seseorang itu tidak mungkin membeli pelbagai buku dalam bidang kepakarannya sendiri tambahan pula dari pelbagai bidang, di sinilah letaknya peranan perpustakaan. Lebih menguntungkan di perpustakaan selain daripada bahan bercetak dan juga dalam bentuk digital, pelbagai bahan media turut disediakan selaras dengan kepelbagaian keperluan pembelajaran pengguna (lihat Gardner, 2006).

## **KHASIAT MEMBACA**

Minda yang sihat dan aktif mendapat pelbagai khasiat melalui membaca. Begitulah yang terjadi dengan Ahmed Zewail, pemenang anugerah Nobel Prize tunggal dalam bidang kimia pada tahun 1999. Daripada nukilan anak Mesir ini, dapat diperhatikan bagaimana budaya membaca sewaktu beliau di universiti telah membantu beliau mengecapi kejayaan global. Menurut Ahmed Zewail, beliau mendapat sokongan daripada ahli sains yang masyhur berdasarkan rakaman abadi ilmu dalam tulisan mereka. Berikut dikutip kata-kata beliau:

*During the summer of that first year, I was back in Desuq. I spent some time with my family and a lot of time reading. Reading was what excited me the most. I bought a number of books, including those for the second-year courses, to get a head start. I was eager to continue and I didn't want to lose any time. I was also convinced that in order to advance one had to learn from the masters. Isaac Newton put it well when he said: "If I have seen so far it is only because I have stood on the shoulders of giants." He had learned from Galileo and the other great scientist who preceded him and he was able to go on. I began to read about the work of famous scientists and found no limits to the ocean of knowledge. (Zewail, 2002, hlm. 34)*

Ibrahim Ahmad Baijunid (2010) seorang tokoh Kepimpinan Pendidikan 2010, membicarakan tentang pemimpin yang berkaliber ialah pemimpin yang 'lifelong and life-wide learners'. Menurut Ibrahim Ahmad Baijunid:

*Leaders are only good leaders when they are lifelong learners. Because as lifelong learners they will also be life-wide learners; they will be learning all the time. And when they are learning all the time where they have omissions in their education, where they were so strong in the hard sciences they begin to strengthen themselves in the soft sciences.*

Jelaslah di sini bahawa seorang pemimpin perlu mempunyai sikap yang positif terhadap pendidikan sekaligus terhadap pembacaan. Pendidikan sepanjang hayat yang digandingi dengan pendidikan antardisiplin merupakan kaedah yang berkesan unjtuik menjadi pemimpin yang berjaya. Ringkasnya, khasiat yang diperoleh daripada penambahan dan peluasan ilmu berdasarkan pembacaan merupakan antara ramuan penting menjadi pemimpin yang berkesan.

Ibrahim Ahmad Baijunid (2010) turut menyentuh tentang maksud pendidikan yang benar:

*The true education of man is a balanced education. It is not a compartmentalized education where people will flag up and show off their degrees in the heart of soft sciences, in narrow niches of cumulative on non cumulative knowledge.*

*True education is about developing character, it is also about developing intellectual character and it is also about developing self examination of our humanity so that our understanding of knowledge is of the soft sciences or of the hard sciences but it is our understanding of human intelligences, of how as a species human being are different from other creatures. It is also about exploring our accountability for those who are believers; it's about our accountability to the creator, to God almighty. And for those who are non believers it is also responsibility and repentance that we have destroyed nature. That it is because of our action, because of our hard sciences, our action and our greed that has destroyed so much of our environment. And as we move forward into the future we will be facing economies of non renewable resources.*

Dengan erti kata yang lain, manusia yang membaca bahan yang bermanfaat, manusia yang luas pembacaannya, manusia yang mengenali perpustakaan secara maya atau fizikal, manusia yang berilmu mampu membina perwatakan diri yang seimbang dan mempunyai toleransi yang tinggi. Dengan ilmu pengetahuan seseorang itu akan lebih memahami diri, persekitaran dan tanggungjawab yang dipikul di dunia ini.

### **Strategi Membudayakan Membaca dan Pemanfaatan Perpustakaan**

Kita amat menghargai pelbagai usaha yang dijalankan oleh pelbagai pihak untuk mewujudkan budaya membaca dan menggalakkan ahli masyarakat memanfaatkan perkhidmatan di perpustakaan. Usaha ini sebenarnya bermula di peringkat keluarga. Ibu bapa atau penjaga

dalam era ini sudah mengetahui betapa pentingnya kemahiran membaca, menulis dan mengira. Justeru, anak-anak diajar kemahiran tersebut secara tidak formal di rumah atau secara separa formal di taman asukan kanak-kanak. Usaha ini diteruskan ke alam persekolahan. Di sini para guru memainkan peranan penting mengajar dan membimbing anak-anak untuk mengenal huruf dan seterusnya boleh mengeja, membaca dan memahami bahan yang dibaca. Tujuan utama ibu bapa atau guru mengajar kemahiran membaca boleh dikatakan lebih berfokus kepada persediaan untuk menghadapi peperiksaan di samping memikirkan tentang peluang-peluang pekerjaan pada masa depan. Sering kali tujuan yang paling afdal dipinggirkan, iaitu tujuan menuntut ilmu. Pelajar sering diingatkan untuk membaca buku kerana tarikh peperiksaan sudah hampir tiba. Tidak hairanlah sekiranya terdapat mahasiswa mempunyai tujuan yang sama sewaktu melanjutkan pengajian di menara gading, iaitu mendapat keputusan yang cemerlang agar mudah mendapat pekerjaan.

Mungkin ada pihak yang bertanya “salahkah mempunyai tujuan yang sedemikian?”. Jawapannya tentulah tidak tetapi alangkah baik sekiranya tujuannya untuk mencari ilmu pengetahuan mendasari tujuan-tujuan yang dinyatakan tadi. Strategi yang pertama yang patut disemai di dalam setiap sanubari ialah untuk membaca untuk mencari ilmu dan menimba ilmu, ke perpustakaan untuk menambah ilmu pengetahuan, membeli buku untuk mendapatkan ilmu pengetahuan yang terkini, dan seterusnya. Dengan adanya ilmu pengetahuan yang cukup bukan sahaja seseorang itu mampu lulus dalam peperiksaan malah boleh membantu dari segi kerjayanya pada masa depan. Ilmu pengetahuan ini juga membolehkan seseorang itu menangani pelbagai isu dengan adil dan bijaksana. Justeru, strategi yang paling asas ialah menyemai kecintaan terhadap mencari ilmu pengetahuan dengan niat dan berdoa.

Strategi seterusnya berkaitan dengan pengurusan muafakat (Sidik Baba, 1992). Sebarang strategi yang ingin dijalankan perlu difikirkan cara pelaksanaannya supaya wujud satu rangkaian pemikiran dari awal hingga akhir, iaitu dari peringkat diri hingga ke dalam masyarakat, dari rumah ke alam pendidikan dan seterusnya ke alam pekerjaan (lokal dan global).

Nuraini Yusoff (2010) mencadangkan di peringkat institusi pengajian tinggi diwujudkan kumpulan-kumpulan pembaca yang akan dibimbing oleh tenaga pengajar secara berkala. Sebagai contoh kumpulan yang terdiri daripada sepuluh orang ahli akan bertemu untuk selama dua jam seminggu membicarakan tentang bahan-bahan bacaan terpilih. Bahan-bahan yang dipilih pula mestilah berlandaskan teori-teori tertentu mengikut keperluan dan aspirasi tempat pengajian. Sebagai contoh Teori Pembangunan Identiti Pelajar Chickering (Chickering, 1969; Chickering & Reisser, 1993). Chickering (t. t) percaya bahawa perubahan personaliti mengambil masa yang lama berlandaskan perubahan dan pertambahan sedikit demi sedikit. Teori psikososial ini yang sealiran dengan teori psikologi Erikson (1980; 1982; 1994) ini terdiri daripada tujuh peringkat pembangunan yang dikenali sebagai vektor (*vector*) oleh Chickering. Vektor tersebut ialah pembangunan kompetensi, mengurus kawal emosi, membina autonomi ke arah berdikari, membina hubungan interpersonal yang matang, memperkukuhkan identiti, membina tujuan, dan membina integriti. Ketujuh-tujuh vektor ini khusus untuk pelajar di institusi pengajian tinggi membina diri sewaktu belajar di kampus.

### **i) Pembangunan kompetensi/kecekapan**

Pada tahap ini terdapat tiga komponen dalam pembangunan kompetensi atau kecekapan di institusi pengajian tinggi, iaitu intelektual, fizikal dan kemahiran tangan, dan interpersonal. Kompetensi intelektual memerlukan pelajar menguasai aspek akademik, iaitu kandungan kursus-kursus pada tahap pengetahuan dan kefahaman. Setelah itu pelajar perlu menjana aspek intelektual dan estetika di samping membina kemahiran aplikasi, analisis dan sintesis. Jika dibandingkan dengan Taksonomi Bloom (1956), vektor ini mempunyai persamaan dengan domain kognitif, iaitu pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis dan sintesis.

Vektor fizikal dan kemahiran tangan berkaitan dengan bidang atletik dan estetika. Pelajar menghasilkan produk yang konkrit, melibatkan diri dalam riadah, bersukan, menjaga kesihatan dan menjana disiplin diri. Penglibatan dalam kokurikulum seperti bermain futsal, berenang, polo, paragliding, teater dan sebagainya akan menjadi sebahagian daripada aktiviti berterusan yang membentuk identiti individu sehinggalah mereka menjejak kaki di dunia pekerjaan.

Kompetensi interpersonal pelajar berkaitan dengan penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur dengan berkesan. Di samping berkomunikasi dengan berkesan dan bekerjasama, pelajar perlu sensitive terhadap keperluan kebolehan yang lebih kompleks seperti mengimbangi agenda sendiri dengan tujuan dan matlamat kumpulan, dan bijak memilih pelbagai strategi untuk mengukuhkan hubungan dan berfungsi sebagai ahli dalam kumpulan. Kompetensi ini merupakan asas dalam mewujudkan hubungan harmoni dalam sesebuah kumpulan.

### **ii) Mengawal emosi**

Vektor kedua berkaitan dengan pengawalan emosi. Walaupun perkara ini penting tetapi begitu mencabar untuk melaksanakannya. Namun demikian mengawal emosi ini boleh dilakukan secara berstruktur supaya timbul tentang kesedaran berkaitan hal ini. Pelajar yang baru mengalami kehidupan di kampus atau yang pulang dari bercuti akan berdepan dengan pelbagai emosi yang perlu dikawal agar tidak mengganggu pengajian di kampus. Yang paling penting bukan menghapuskan perasaan ini tetapi pelajar perlu sedar akan kehadirannya dan dikawal agar tidak menimbulkan kesan yang negatif dan merugikan diri pelajar sendiri.

### **iii) Membina autonomi ke arah berdikari**

Setelah berjayanya melepasi vektor membina kompetensi dan mengawal emosi, pelajar akan memasuki vektor ketiga untuk membina autonomi diri, iaitu tidak lagi terlalu bergantung kepada orang lain untuk mendapatkan sokongan emosi. Ertinya pelajar bergerak berdasarkan keputusan sendiri, bertanggungjawab terhadap tindakan yang diambil dan tidak bergantung kepada pandangan orang lain. Pelajar perlu berdikari tetapi pada masa yang sama mengakui hakikat bahawa setiap insan saling memerlukan antara satu dengan lain.

#### **iv) Membina hubungan interpersonal yang matang**

Kejayaan mendapatkan identiti yang stabil akan menyediakan peluang untuk pelajar mendengar dan memahami orang lain, iaitu pada tahap vektor kelima, iaitu hubungan interpersonal. Di sini pelajar perlu membina toleransi dan menghargai perbezaan antara individu dan perbezaan kebudayaan. Keadaan ini akan menimbulkan rasa hormat terhadap pihak lain dan mengurangkan prejudis dan salah sangka. Pelajar akan lebih sensitif, lebih simpati dan empati pada peringkat ini dan tidak mementingkan diri sahaja.

#### **v) Membina identiti yang kukuh**

Sewaktu berada di kampus, pelajar akan berhadapan dengan dilema membina imej yang ada kaitan dengan rasa selesa dengan wajah dan diri sendiri; selesa dengan orientasi gender dan seksual; perasaan yakin dengan kehadiran diri dalam konteks sosial, selesa dengan sejarah dan budaya diri. Pelajar melalui peranan dan gaya hidup akan menyerlahkan konsep sendiri; juga akan mengenali diri berdasarkan maklum balas daripada orang yang hampir dan bermakna dalam hidup. Pelajar juga perlu berdepan dengan penerimaan diri seadanya, hormat diri, kestabilan diri dan integrasi.

#### **vi) Membentuk tujuan**

Pada peringkat vektor keenam, pelajar sudah mengetahui arah haluannya dan apa yang akan dilakukan selepas bergraduat dan dapat membayangkan gaya hidup yang sesuai dengan diri dan minat di samping komitmen interpersonal dan keluarga. Pada tahap inilah pelajar mula mempunyai wawasan untuk masa depan.

#### **vii) Membina integriti**

Pada tahun akhir, pelajar sepatutnya sudah menguasai vektor yang ketujuh, iaitu membina integriti. Dalam vektor ini, pelajar sudah mampu memilih nilai-nilai sejagat yang baik dan mempunyai sifat kemanusiaan untuk meneruskan kehidupannya. Ini bermakna pelajar universiti mampu mempertahankan prinsip kemanusiaan sejagat, bukan lagi atas kepentingan diri sahaja. Pelajar universiti sepatutnya mempunyai hala tuju dan tidak bergerak mengikut naluri atau keadaan. Segala aktiviti difikirkan dahulu, dirancang dengan baik sebelum dilaksanakan.

Dalam menentukan keberkesanan program yang dicadangkan, pastinya memerlukan gembengan tenaga pelbagai pihak. Di samping itu, program ini memerlukan penyediaan bahan-bahan bacaan yang berupaya memberi sumbangan terhadap pembangunan diri pelajar

berdasarkan ketujuh-tujuh vektor yang disarankan. Perkara ini tidak mudah dilakukan tetapi pertemuan berkala 7 kali dalam satu semester yang memakan masa selama 2 jam seminggu telah berjaya dilaksanakan di Universiti Utara Malaysia (UUM) sejak tahun sesi 2005/06. Program *Self Development Group* yang diilhamkan oleh Tan Sri Nordin Kardi, Naib Canselor UUM melibatkan 23,000 pelajar. Setiap pelajar akan mengikuti sebanyak 6 modul selama 6 semester. Di sini disarankan supaya kita mengambil semangat dari UUM untuk diaplikasikan kepada kumpulan-kumpulan kecil secara berstruktur bagi tujuan membudayakan membaca dalam kalangan mahasiswa dan tenaga akademik. Tujuan kita mungkin berbeza tetapi mempunyai aspirasi yang sama, iaitu membina insan berminda kelas pertama.

Seterusnya strategi muafakat ini juga memerlukan pihak perpustakaan bekerjasama dengan tenaga pengajar supaya pengajaran dan pembelajaran dalam bilik kuliah dihubungkan dengan penggunaan perpustakaan secara fizikal dan juga secara maya. Sebenarnya perkara ini memang sudah dilakukan tetapi tidak ada usaha yang dirancang dengan baik di samping memberi motivasi agar dapat dilaksanakan dengan berkesan. Hal ini perlu dilihat dari sudut yang berbeza secara kreatif dan inovatif. Pihak perpustakaan juga perlu juga melantik tenaga pengajar untuk menjadi pakar subjek di perpustakaan untuk membantu para pengguna.

Di peringkat sekolah pula antara hal yang dihadapi ialah keadaan perpustakaan yang kurang memuaskan. Koleksi buku yang terhad dalam keadaan yang daif menyebabkan pelajar tidak berminat untuk meminjam buku. Hj Romle Hj Hassan (2005) mendapati bahawa tahap kepuasan pelajar dan penggunaan perpustakaan adalah agak rendah. Penemuan penyelidikan juga menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap persekitaran dan prasarana adalah kurang memuaskan. Peraturan yang sangat ketat juga menyebabkan kunjungan pelajar sangat rendah ke perpustakaan. Pelajar juga tidak puas hati dengan suasana perpustakaan, struktur penyusunan peralatan dan cahaya lampu dan didapati pustakawan kurang memberikan pertolongan kepada pelajar. Pelajar yang ke perpustakaan untuk mengisi masa lapang dan bukan untuk mengulang kaji atau meminjam buku

Perkara yang berlaku ini merugikan pelajar dan juga pihak sekolah. Kalau di lihat di negara maju sebagai contoh di United Kingdom, kerajaan mengarahkan semua pihak terutama pihak sekolah, pihak berkuasa tempatan dan institusi pengajian tinggi supaya meningkatkan tahap perkhidmatan perpustakaan agar rakyat lebih cenderung menggunakan perpustakaan sebagai tempat mendapatkan maklumat dan pengetahuan (William & Wavell, 2001). Wal hal budaya membaca sudah tersebar di sana. Perpustakaan sekolah juga diakui boleh memainkan peranan penting dalam menyumbang maklumat sebagai penggerak komunikasi dalam kalangan semua pelajar (Cook & Health, 2001). Di samping itu perpustakaan atau pusat sumber sekolah juga didapati berupaya membantu guru-guru dan pelajar bagi mengembangkan kebolehan dan keupayaan berfikir di kalangan pelajar untuk belajar dan memperoleh maklumat secara lebih berkesan (William & Wavell, 2001). Sebenarnya dapat di lihat keuntungan yang diperoleh berlipat-ganda tetapi ada kalanya langkah-langkah yang diambil bersifat *ceremonial* dan dibuat seperti *melepaskan batok di tangga*.

Terdapat pelbagai strategi lagi yang dapat dilakukan khususnya berkaitan dengan program membaca dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dan juga di sekolah rendah. Kejayaan pada peringkat awal ini menjanjikan kejayaan pada peringkat pengajian yang lebih tinggi lagi. Kita juga perlu menjadi teladan kepada anak-anak dan orang muda dengan membiasakan diri membaca dan menjadi pengguna setia di perpustakaan. Sekiranya anak-anak dihantar ke perpustakaan apa salahnya ibu dan bapa turut serta. Di samping itu para pendidik yang masih menggunakan bahan-bahan sewaktu belajar bertahun-tahun dahulu, jenguk-jenguklah bahan-bahan yang terkini kerana kita belajar pada masa lampau untuk mengajar pelajar pada masa kini agar mereka boleh hidup pada masa hadapan.

### **Penutup**

Sebagai penutup dipaparkan petikan ucapan mantan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Badawi ketika membentangkan Rancangan Malaysia ke-9 di Parlimen pada 31 Mac 2006:

Rakyat adalah aset negara paling berharga. Pembangunan modal insane dan anjakan minda dan pemikiran warga merupakan salah satu cabaran terbesar. Sekiranya kita ingin melangkah ke era ekonomi berpaksikan pengetahuan, jika kita mahu menjadi negara maju dan kekal pada tahap tersebut, pembangunan modal insane harus diutamakan. Dalam konteks dunia global, modal nisan bermutu tinggi adalah satu keperluan, bukan lagi satu kemewahan. Usaha membangunkan modal insan berkualiti akan digiatkan. Pendekatan kepada pembangunan modal insane haruslah secara holistic, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan, dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi. Inilah yang dikatakan modal insane berminda kelas pertama. Tiga strategi utama untuk melahirkan modal insan kelas pertama akan dilaksanakan:

- Pertama, Meningkatkan Keupayaan Dan Penguasaan Ilmu Pengetahuan
- Kedua, Memperkukuhkan Keupayaan Sains, R&D Dan Inovasi
- Ketiga, Memupuk Masyarakat Berbudaya Dan Memiliki Kekuatan Moral

Marilah kita bersama-sama bermuafakat untuk menyusun atur dan melaksanakan strategi agar setiap rakyat ketagih membaca bahan-bahan yang bermanfaat. Perlu ditekankan di sini bahawa strategi-strategi ini perlu dilaksanakan di semua peringkat lapisan masyarakat yang mempunyai kesinambungan antara satu dengan lain dengan mewujudkan mata rantai yang kukuh.

## Rujukan

- Abdul Rahman Aziz. (2004). *Falsafah Pembangunan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ahmed Zewail. (2002). *Voyage through time: Walks of life to the Noble Prize*. Cairo: The American University in Cairo Press.
- Bloom, B. S. (Ed.). (1956). *The taxonomy of educational objectives, the classification of educational goals, book 1: Cognitive domain*. New York: Longman.
- Chickering, A. W. (1969). *Education and Identity*. San Francisco, CA: Jossey-Bass Inc.
- Chickering, A. (t. t.). The seven vectors: An overview. Diakses pada 27 Februari 2010 dari <http://www.cabrini.edu/communications/ProfDev/cardevChickering.html>.
- Chickering, A.W., & Reisser, L.W. (1993). *Education and identity* (2<sup>nd</sup> ed.). Jossey Bass: San Francisco.
- Cook, C. & Health, F. M. (2001). Users perceptions of library service quality: A libQUAL + qualitative study. *Library Trend*, 49(4), 548-584.
- Erikson, E. H. (1980). *Identity and the life cycle*. New York: W. W. Norton & Company.
- Erikson, E. H. (1982). . *The life cycle completed*. New York: W. W. Norton & Company.
- Erikson, E. H. (1994). *Identity: Youth and crisis*. New York: W. W. Norton & Company.
- Falsafah Pendidikan Kebangsaan. (t. t. ). Diakses pda 2 Jun 2010 daripada <http://upu.mohe.gov.my/portal/arkib/fpk.php>.
- Gardner, H. (2006). *Multiple intelligences: New horizons* (2<sup>nd</sup> ed.). New York: Basic Books.
- Hj Romle Hj Hassan. (2005). Persepsi terhadap persekitaran, prasarana dan perkhidmatan perpustakaan di kalangan pelajar: Satu kajian di sekolah menengah Dato' Sheikh Ahmad Arau perlis. Laporan Penyelidikan Universiti Utara Malaysia.
- Ibrahim Ahmad Bajunid. (2009). *Paradoxes of educational development*. Nota Kapten Industri dalam International Seminar of Soft Sciences di Kuala Lumpur pada 6-7 November 2009. Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Putrajaya: Pengarang.
- Kim, W. C., & Mauborgne, R. (2005). *Blue ocean strategy: How to create uncontested market space and make the competition irrelevant*. Boston, Massachusetts: Harvard Business School Press.
- Nuraini Yusoff. (2010). *Pembangunan modal insan: Siapakah yang memecahkan ruyungnya?* Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa 2010 (SePMA2010), Universiti Malaysia perlis, pada 28-31 Mac 2010.
- Ramlah Adam. (2004). *Biografi politik Tunku Abdul Rahman Putra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Senu Abdul Rahman. (Penyusun). (2002). *Revolusi mental (dengan ejaan baru)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Sidik Baba. (1992). *Pengurusan pendidikan Islam: Suatu pendekatan sepadu*. Kertas kerja yang Dibentangkan di Seminar Nasional Kedua Pengurusan Pendidikan: Ke Arah Pengurusan Pendidikan Berkualiti Abad 21. Anjuran Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands, Pahang pada 26-28 November 1992.
- William, D. C., & Wavell, C. (2001). Evaluating the impact of the school resource center on learning. *School Library Worldwide*, 7(1), 58-71.